



Bulan Sabit Merah Malaysia Kuantan

22h · 🌐

...

Kuantan, 26 Mac 2025 | Jelas terpancar keriangannya 65 orang anak-anak [Rkk Tengku Ampuan Fatimah](#), Kuantan apabila mereka dibawa membeli belah pakaian raya oleh [Pengurusan Air Pahang Berhad](#) (PAIP) di Pasaraya Mydin Kuantan semalam. Program yang dicetuskan Timbalan Pengerusi BSMM Kuantan, Dato' Wan Nor Raihan Dato' Wan Abdul Rahman telah mendapat perhatian Ketua Pegawai Eksekutif PAIP, Dato' Saiful Zaini Mohd Bokhari untuk bersama-sama meraikannya.

Menurut Dato' Saiful Bahari, "PAIP telah membelanjakan sebanyak RM10 ribu bagi membiayai program ini dengan membiayai sepasang baju melayu beserta sampin dan duit raya sebanyak RM50 setiap seorang sempena ketibaan lebaran agar anak ini merasai dan menghayati erti lebaran.

Sebelum itu Kehadiran anak-anak RKK Tengku Ampuan Fatimah ke pasaraya ini ditemani Pengetua RKK Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan. Turut bersama Pengerusi Kebajikan BSMM Kuantan, Puan Norhaiza.

[Malaysian Red Crescent Ameer Ali Mydin](#)

[#KhidmatUntukSemua](#) [#khidmatmasyarakat](#) [#KHIDMATKEMANUSIAAN](#) [#khidmatkomuniti](#)

